

PANTOR TABLET

Pantoprazole sodium sesquihydrate (20 mg, 40 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pantor
2. Bagaimana Pantor berfungsi
3. Sebelum menggunakan Pantor
4. Cara menggunakan Pantor
5. Semasa menggunakan Pantor
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pantor
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pantor

Apakah kegunaan Pantor

Pantor 40 digunakan untuk rawatan ulser duodenal, ulser gastrik dan refluks esofagitis (keradangan esofagus (saluran dari kerongkong ke perut) disertakan dengan regurgitasi asid perut jangka pendek).

Pantor 20 digunakan untuk rawatan simptomatik (contohnya pedih ulu hati, regurgitasi asid, kesakitan semasa menelan) dan penyembuhan *Gastro-Esophageal Reflux Disease* (GERD) ringan yang disebabkan oleh refluks asid di dalam perut.

Pantor 20 digunakan untuk rawatan jangka panjang dan pencegahan penyakit *Gastro-Esophageal Reflux Disease* (GERD) yang berulang.

Bagaimana Pantor berfungsi

Pantoprazole merupakan "proton pump inhibitor". Pantoprazole tergolong dalam kumpulan yang dikenali sebagai *substituted Benzimidazole* yang menghalang rembesan asid gastrik dalam perut dengan sekatan tertentu pam proton sel-sel *parietal*.

Sebelum menggunakan Pantor

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Pantor:

- Jika anda alah (hipersensitif) kepada pantoprazole atau mana-mana bahan lain dalam Pantor.
- Jika anda mempunyai penyakit hati yang teruk (dokter anda akan memeriksa enzim hati anda dengan lebih kerap, terutamanya apabila anda mengambil rawatan pantoprazole untuk jangka masa yang panjang). Sebelum rawatan dimulakan, kemungkinan ulser gastrik yang mengancam nyawa

atau penyakit esofagus yang mengancam nyawa hendaklah dikecualikan. Diagnosis refluks *oesophagitis* hendaklah disahkan oleh endoskopi (digunakan untuk memeriksa saluran penghadaman).

- Keselamatan dan keberkesanan dalam kalangan kanak-kanak belum dibuktikan.
- Pantor tidak disarankan untuk gejala gastro-usus yang ringan seperti ketidakhadaman akibat daripada kebimbangan.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan menggunakan Pantor jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan menggunakan Pantor jika anda merupakan seorang ibu yang menyusukan bayi. Sila dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mengambil sebarang ubat-ubatan.

- Sebelum menggunakan Pantor

Sila ambil perhatian lebih dengan Pantor.

- Sila beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mempunyai masalah kesihatan yang lain.
- Beritahu doktor sebelum mengambil ubat ini, jika anda perlu mengambil ujian darah tertentu (*Chromogranin A*).

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan terutamanya ubat seperti ketoconazole (digunakan dalam rawatan jangkitan kulat) kerana Pantor boleh mengganggu ubat ini dan ubat-ubatan lain daripada berfungsi dengan sempurna.

Cara menggunakan Pantor

- Berapa banyak harus digunakan

Dos yang disarankan adalah tablet Pantor diambil sekali setiap hari.

Ulser Duodenal:

Dos yang disarankan adalah 40 mg tablet Pantor diambil sekali sehari pada

waktu pagi untuk tempoh 2 sehingga 4 minggu.

Ulser Gastrik dan Reflaks *Oesophagitis*:

Dos yang disarankan adalah 40 mg tablet Pantor diambil sekali sehari pada waktu pagi untuk tempoh 4 sehingga 8 minggu.

Mild Gastro-Esophageal Reflux Disease (GERD):

Dos yang disarankan adalah 20mg tablet Pantor diambil sekali sehari untuk tempoh 4 sehingga 8 minggu.

Rawatan Jangka Panjang dan Pencegahan Penyakit *Gastro-Esophageal Reflux Disease (GERD)* yang Berulang:

Untuk rawatan jangka panjang, dos yang disarankan adalah satu tablet Pantor 20 mg diambil setiap hari. Walau bagaimanapun, dos boleh dipertingkatkan ke 40 mg diambil setiap hari jika penyakit itu berulang.

- Bila perlu digunakan

Telan tablet anda secara keseluruhan dengan sedikit air dengan atau tanpa makanan dan perlu diambil pada waktu pagi.

- Berapa lama perlu digunakan

Terus mengambil ubat anda seperti doktor atau pegawai farmasi anda memberitahu anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja yang mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan yang segera.

PANTOR TABLET

Pantoprazole sodium sesquihydrate (20 mg, 40 mg)

Semasa menggunakan Pantor

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan pegawai farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Pantor.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil apa-apa ubat-ubatan baru tanpa berunding dengan doktor anda.
- Jangan berikan Pantor kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin

Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Jika tablet ini membuat anda rasa sakit, pening atau letih, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Pantor boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya. Jumpa doktor atau pegawai farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini seperti:

- Masalah gastrousus seperti sakit perut, cirit-birit, sembelit atau kembung perut.
- Sakit kepala.
- Reaksi alahan seperti ruam kulit, *pruritus* (kulit gatal), *urticaria* (kegatalan yang teruk), *angioedema* (bengkak pada lapisan dalam kulit anda) atau kejutan *anaphylactic* (masalah alahan yang mengancam nyawa).
- Kesan sampingan yang kurang dilaporkan adalah loya, pening, gangguan dalam penglihatan (penglihatan kabur), *peripheral*

edema (bengkak dari pengumpulan cecair yang biasanya berlaku pada bahagian kaki), kemurungan, demam dan *myalgia* (sakit otot).

Apabila anda mengambil ubat ini, doktor anda akan memantau anda (terutamanya jika anda mengambilnya untuk jangka masa panjang). Oleh itu, anda harus melaporkan apa-apa symptom dan keadaan baru dan luar biasa apabila anda berjumpa dengan doktor anda. Sila beritahu doktor dengan segera jika anda mendapat mana-mana symptom seperti di bawah:

- Ruam (terutamanya di bahagian yang terdedah kepada matahari), mungkin dengan rasa sakit pada sendi (*Subacute Cutaneous Lupus Erythematosus, SCLE*).
- Demam, terlalu letih, nanah / darah dalam air kencing.
- Penguncupan otot, disorientasi, sawan, pening, peningkatan kadar degupan jantung.
- Retak pada bahagian pinggul, pergelangan tangan atau tulang belakang.
- Najis berair, sakit perut dan demam yang tidak kebah.
- *Anemia* (kulit pucat, kelemahan, kelesuan atau kegelisahan), sesak nafas, lidah licin, masalah saraf (kebas atau sesemut, otot lemah dan masalah berjalan), kehilangan penglihatan dan masalah mental (kehilangan ingatan, kemurungan atau perubahan tingkah laku).

Frekuensi tidak diketahui: Radang pada usus besar yang menyebabkan cirit-birit berair yang berterusan.

Subacute Cutaneous Lupus Erythematosus (SCLE).

Frekuensi "tidak diketahui".

Interstitial Nephritis.

Masalah buah pinggang (*interstitial nephritis*).

Hypomagnesaemia.

Frekuensi "tidak diketahui": Tahap rendah *magnesium* boleh membawa kepada penurunan tahap *potassium* atau *calcium* dalam darah.

Retak.

Frekuensi "tidak biasa". Sila beritahu doktor anda jika anda mempunyai *osteoporosis* atau jika anda sedang

mengambil *corticosteroids* (yang boleh meningkatkan risiko *osteoporosis*).

Clostridium Difficile Diarrhea.

Cirit-birit teruk yang disebabkan oleh jangkitan (*Clostridium Difficile*) dalam usus anda.

Fundic Gland Polyps (Benign).

Frekuensi "biasa". Polips benigna dalam perut.

Kekurangan Vitamin B12.

Proton pump inhibitors boleh menyebabkan kekurangan Vitamin B12.

Jika apa-apa kesan sampingan menjadi semakin serius, atau jika anda mendapati apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Pantor

- Penyimpanan

- Simpan di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Pantor Tablet 20 mg

Tablet dwicembung bersalut enterik, berbentuk bujur, berwarna kuning, tiada ukiran di kedua-dua belah tablet dengan panjang 8,9 mm..

Pantor Tablet 40 mg

Tablet dwicembung bersalut enterik, berbentuk bujur, berwarna kuning, tiada ukiran di kedua-dua belah tablet dengan panjang 11.7 mm.

PANTOR TABLET

Pantoprazole sodium sesquihydrate (20 mg, 40 mg)

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

- *Pantoprazole sodium sesquihydrate.*

Bahan-bahan tidak aktif

- *Mannitol.*
- *Crospovidone.*
- *Sodium carbonate, anhydrous.*
- *Hydroxy propyl cellulose.*
- *Calcium stearate.*
- *Hypromellose.*
- *Titanium dioxide.*
- *Ferric oxide yellow.*
- *Propylene glycol.*
- *Methylacrylicacid-Ethylacrylatem copolymer (1:1) dispersion 30%.*
- *Triethyl citrate.*
- *Talc.*
- *Purified water.*

- Nombor-nombor MAL:

PANTOR TABLETS 20 MG:
MAL10021801AZ

PANTOR TABLETS 40 MG:
MAL10021802AZ

Pengilang

Torrent Pharmaceuticals LTD.
Indrad 382 721, District: Mehsana,
India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Laboratories Torrent (Malaysia) Sdn
Bhd.
Suite E-08-08 Plaza Mont Kiara,
No. 2 Jalan Kiara Mont Kiara,
50480 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

16/06/2020

Nombor Siri

NPRA(R4/1)200815/00265